



Ingin memancing di tebing berbatu? Lakukan lima pemeriksaan keselataman penting untuk cuaca.

BUREAU OF METEOROLOGY

Ingin memancing di tebing berbatu?
Lakukan lima pemeriksaan keselataman penting untuk cuaca.

Keadaan ombak Waktu air pasang Keadaan angin Amaran laut Cuaca berubah

www.bom.gov.au/marine

Memancing di tebing berbatu mungkin berbahaya... ketahui keadaan cuaca sebelum anda berangkat!



Keadaan ombak

PERHATIKAN ombak besar – Laut besar atau ombak alun boleh berbahaya. Anda mungkin dihanyutkan dari tempat anda memancing di tebing berbatu oleh ombak besar. www.bom.gov.au/marine



Waktu air pasang

PERIKSA bila air pasang – Air pasang mungkin menutup tempat anda memancing di tebing berbatu dengan air. Air sedang pasang dan air pasang menyebabkan ombak pecah pada lokasi memancing di tebing berbatu. Anda mungkin terperangkap atau dihanyutkan dari batuan oleh ombak tinggi. www.bom.gov.au/australia/tides/



Keadaan angin

PERHATIKAN angin kencang – Angin kencang boleh mengakibatkan ombak berbahaya atau menghanyutkan anda dari batuan yang basah dan licin. www.bom.gov.au/marine



Amaran laut

PERIKSA amaran-amaran cuaca laut – Amaran-amaran ini memberitahu anda tentang keadaan yang membuat memancing di atas pantai berbatu berbahaya. Periksa Amaran Angin laut, Amaran Cuaca Teruk, dan Amaran Keadaan Pantai Berbahaya. www.bom.gov.au/australia/warnings



Cuaca berubah

PERIKSA keadaan cuaca – Berhati-hati dengan keadaan kurang darjah penglihatan yang disebabkan oleh kabut atau hujan, atau risiko kepada keselamatan dan keselesaan anda daripada ribut petir, kilat, atau angin kencang. www.bom.gov.au/marine

Periksa Ramalan Perairan Pantai

Periksa Ramalan Perairan Pantai untuk angin melebihi 15 knot, dan paras laut atau ombak melebihi 1.5m. Harap maklum bahawa angin ribut dan ombak maksimum boleh mencapai dua kali ganda ukuran ramalan. Juga perhatikan pesanan-pesanan berikut di NSW dan QLD:

- "Caution: Large and powerful surf conditions are expected to be hazardous for coastal activities such as crossing bars by boat and rock fishing."



Ingin memancing di tebing berbatu? Lakukan lima pemeriksaan keselamatan penting untuk cuaca.

"Awas: Keadaan ombak yang besar dan kuat dijangka akan berbahaya untuk kegiatan pantai seperti melintas garisan ombak dengan perahu dan memancing di tebing berbatu."

- "Caution: Deceptively powerful surf conditions are expected to be hazardous for coastal activities such as crossing bars by boat and rock fishing."

"Awas: Keadaan ombak yang tetapi tidak ketara dijangka akan berbahaya untuk kegiatan pantai seperti melintas garisan ombak dengan perahu dan memancing di tebing berbatu."

Keselamatan air pasang untuk memancing di tebing batu

Demi keselamatan anda penting anda memahami pasang surut apabila anda sedang memancing di tebing batu. Ini kerana keadaan ombak berubah apabila air pasang surut.

Mengapa penting untuk memahami pasang surut?

- Air yang sedang pasang boleh mengakibatkan ombak memecah pada batu di mana anda sedang memancing.
- Paras air naik paling cepat sekitar pertengahan pasang surut.
- Waktu air pasang berubah dari hari ke hari dan di pelbagai lokasi.
- Cuaca boleh mengubah paras pasang surut yang diramalkan.

Apa yang perlu diperiksa

1. Periksa waktu air pasang dan air surut setiap anda memancing—waktu pasang surut berubah setiap hari dan berbeza-beza di pelbagai lokasi. Di kebanyakan tempat paras air mengambil masa sekitar enam jam untuk berubah dari air surut ke air pasang.
2. Gunakan waktu pasang surut untuk memperhatikan apabila air sedang pasang. Ini adalah apabila keadaan ombak boleh berubah dengan cepat dan ombak boleh memecah pada batu tanpa amaran.
3. Perhatikan bila paras air di pertengahan pasang surut. Dua hingga tiga jam sekitar pertengahan pasang surut adalah apabila paras air paling cepat naik.
4. Periksa cuaca tempatan sebelum anda pergi memancing—angin pantai yang kencang boleh menjadi petanda bahawa paras air mungkin lebih tinggi daripada yang diramalkan.

Risiko-risiko

Sekiranya air pasang lebih cepat atau lebih tinggi daripada yang anda jangkakan, anda mungkin mendapati bahawa:

- anda tiba-tiba tidak dapat melihat laluan selamat ke batu kering;
- ombak mungkin memecah pada batu di mana anda sedang memancing;
- air boleh mula membasahi kaki dan betis; dan
- anda boleh terjatuh ke dalam air.

Surf Life Saving Australia menggesa semua pemancing di tebing batu agar:

- Mengenakan jaket pelampung
- Periksa keadaan pasang surut, cuaca dan ombak
- Bertanggungjawablah atas diri sendiri, fikir baik-baik dan lakukan penilaian tentang keselamatan anda
- Rancang laluan untuk menyelamatkan diri sekiranya anda dihanyutkan ke dalam air
- Kenakan pakaian yang betul, iaitu jaket pelampung, kasut yang sesuai, pakaian ringan
- Jangan memancing berseorangan, dan pastikan anda memberitahu seseorang di mana anda sedang pergi dan bila anda akan pulang
- Carilah Angel Ring atau beberapa alat pelampung lain untuk dibaling kepada seseorang yang memerlukan bantuan
- Telefon 000 jika bantuan diperlukan.